

B.H. - 5 OCT 1972

BUTTERWORTH, Rabu.

DR. Mahathir bin Mohamed, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO semalam menyeru orang-orang Melayu supaya melupakan perbezaan politik dan menumpukan aktiviti mereka bagi kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.

"Permainan politik telah mengganggu peranan sebenar pemimpin-pemimpin kebangsaan," katanya dalam majlis dialog dengan ahli-ahli UMNO cawangan Tasek.

Mengikuti Dr. Mahatir cadangan perubahan Kerajaan Campuran Perikatan - PAS baru-baru ini di kedua-dua peringkat Negeri dan Pusat akan memberi faedah kepada semua rakyat Malaysia.

Perselisihan

Orang-orang Melayu, samada berparti atau tidak hendaklah menepikan perselisihan mereka, menukarkan sikap dan bekerjasama dengan bersungguh-sungguh demi kemajuan negara.

Katanya kerajaan telah mengambil langkah setapak demi setapak untuk membaiki keadaan ekonomi golongan yang tidak berada.

"Mengurangkan jurang perbezaan antara golongan yang berada dan tidak berada ialah suatu cara yang sebenar mewujudkan perasaan harmoni nasional," katanya.

Perasaan

Dr. Mahatir meramalkan parti-parti pembangkang seperti PEKEMAS yang menolak Barisan Kebangsaan (Fron Nasional) akan kehilangan sokongan dari rakyat.

DAP, katanya sebuah parti yang chauvinis, senantiasa mengkritik parti yang berkuasa dan Kerajaan.

Parti-parti politik seperti itu tidak menyedari bahawa Fron Nasional akan dapat menyelesaikan masalah yang mengganggu kemajuan negara, ujar Dr. Mahatir.